

40,288 HEKTAR

luas Hutan Paya
Laut Matang

53 KILOMETER


panjang Hutan
Paya Laut Matang

→ **EKSKLUSIF**

[FOTO YAHYA ZAINUDDIN/BH]



Kawasan pokok bakau yang diteroka secara haram
di Sungai Selinsing dengan kesan pokok bakau yang baru dipotong. Gambar bawah, pegawai perhutanan menunjukkan kapak yang ditemui di Hutan Sungai Makau.



dan bekalannya pada masa depan.

Di tiga lagi kawasan dengan setiap kawasan berkeluasan 0.2 hektar, JPP mendapati ratusan pokok ditebang sejak beberapa minggu lalu namun batang bakau dipercayai sudah dibawa keluar.

BH difahamkan, tauke membayar RM5 bagi sebatang kayu bakau curi kepada warga asing terbabit berbanding RM15 dalam pasaran biasa yang sah.

HS Sungai Baru adalah antara 19 kawasan HS yang membentuk HPLM berkeluasan 40,288 hektar yang berjajar sepanjang 53 kilometer di sepanjang Selat Melaka.

Untuk komen

e-mel ke bhnews.bh.com.my

atau di laman Facebook BH Online

Jengkut yang dipercayai digunakan menceroboh tanah kerajaan berhampiran Hutan Simpan Pondok Tanjung.

JPP buru 'tauke' curi kayu bakau

Ipoh: Jabatan Perhutanan Perak (JPP) sedang memburu 'tauke' yang dipercayai terbabit mengupah pihak tertentu mencuri kayu bakau untuk dijual kepada mereka.

Pengarahnya, Datuk Roslan Ariffin, berkata berikutan itu, kerjasama penduduk diperlukan untuk menyalurkan maklumat supaya tindakan dapat diambil.

Amaran itu berikutan maklumat BH mengenai kegiatan mencuri kayu bakau di Hutan Simpan (HS) Sungai Baharu, Selinsing, di Bagan Serai.

Beliau berkata, kegiatan itu yang membabitkan penggunaan pekerja asing dari negara jiran perlu dibanteras, bukan sahaja bagi memastikan negeri tidak kerugian malah mengelak perancangan Pelan Pengurusan 10 Tahun Hutan Paya Laut Matang (HPLM) yang diiktiraf antara terbaik di dunia tidak terjejas.

Cabarang besar

Katanya, pihaknya tidak menafikan cabaran besar Jabatan Perhutanan negeri dalam menjaga

HPLM berdasarkan bilangan pegawai yang ditempatkan bagi memantau dan menguatkuasakan peraturan.

"Malah, mereka boleh terus menghubungi saya sendiri di talian 05-5288100 jika berasa was-was terhadap perkara di lapangan, cara ini lagi mudah dan kami ambil tindakan," katanya kepada BH ketika ditemui di pejabatnya di sini, semalam.

Bongkar kegiatan

Bercakap pada sidang media semalam pula, beliau berkata JPP membongkar kegiatan menebang balak secara haram di satu kawasan tanah kerajaan bersebelahan HS Pondok Tanjung, dekat sini, kelmarin.

Katanya, siasatan setakat ini menemui 26 tunggal pelbagai spesies balak seperti meranti tembaga, kelat, keranji, nyatoh, petaling dan sesenduk yang telah ditolak dan ditebang.

Beliau berkata, kawasan diteroka berkeluasan kira-kira 0.7 hektar dan kerugian setakat ini dianggarkan RM25,000.